



Musa terima anugerah di Korea Selatan

■ **TIMBALAN** Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam (kanan)

menerima anugerah dari Presiden Korea Selatan, Chun Doo-Hwan di kediaman rasmi Presiden itu di Seoul, Korea Selatan, semalam.

Datuk Musa, yang sedang dalam lawatan empat hari ke negara itu, menerima anugerah 'The Order of Diplomatic Service Merit, Kwanghwa Medal' sewaktu menemui Presiden Chun. Beliau dan rombo-

ngan pegawai kanan **M a l a y s i a** mengadakan beberapa perbincangan faedah bersama termasuk dalam bidang perdagangan dan kerjasama ekonomi.

Kedua pihak juga membincangkan peluang latihan vokasional dan pembinaan bagi rakyat Malaysia serta perjanjian udara Seoul-Kuala Lumpur.